

BIASISWA YAYASAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (PASCASISWAZAH)

SYARAT DAN KELAYAKAN BAGI PERMOHONAN BIASISWA YAYASAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG PASCASISWAZAH 2021

1.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK MEMOHON:

- a) Skim ini diberikan kepada pelajar tempatan Sarjana secara Penyelidikan Mod Pengajian SEPENUH MASA yang diberikan keutamaan kepada golongan B40.
- b) Keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan yang berkaitan dengan pendigitalan, pembangunan teknologi baharu atau pembangunan produk baharu.
- c) Pelajar yang mendapat skim ini tidak dibenarkan menerima berasrama atau pemberian lain. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
 - i. *Pelajar kategori orang awam yang tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap boleh menerima elauan pembantu penyelidik siswazah atau pinjaman pelajaran daripada penaja lain, dengan syarat ia bukanlah berasrama penuh.*
 - ii. *Pelajar kategori kakitangan swasta dan pensyarah IPTS boleh menerima pinjaman pelajaran daripada penaja lain atau pemberian tambahan daripada majikan masing-masing, dengan syarat ia bukanlah berasrama penuh.*
- d) Pelajar yang sedang dalam pengajian layak memohon berasrama ini jika masih mempunyai baki pengajian yang layak ditaja sekurang-kurangnya 6 bulan.
- e) Tempoh tajaan berasrama ini dikira bermula pada semester semasa bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian atau mengikut surat tawaran bagi pelajar yang belum memulakan pengajian.
- f) Jika pelajar memohon berasrama di akhir sesuatu semester, pelajar akan ditaja mulai semester berikutnya.

2.0 PROSEDUR PROSES PERMOHONAN:

- a) Permohonan perlulah dibuat secara bertulis dengan mengisi Borang Permohonan Pinjaman dan Dermasiswa YAYASAN UMP.
- b) Permohonan perlu disertakan dengan dokumen sokongan berikut:
 - i. Resume atau CV pelajar yang terkini
 - ii. Transkrip akademik Ijazah Sarjana Muda
 - iii. Slip gaji Bapa yang telah disahkan.
 - iv. Slip gaji Ibu yang telah disahkan.
 - v. Slip gaji Penjaga yang telah disahkan.
 - vi. Slip gaji Suami/Isteri yang telah disahkan.
- c) Setelah permohonan disemak oleh IPS dan didapati dokumen lengkap, satu temuduga akan dilaksanakan oleh IPS.
- d) IPS akan menghantar keputusan temuduga yang telah diperakukan oleh Dekan IPS mengikut keutamaan dan justifikasi untuk dipanjangkan kepada Pengurus Yayasan UMP untuk kelulusan.
- e) Surat tawaran akan diberikan kepada pelajar setelah mendapat kelulusan oleh Pengurus Yayasan UMP.

3.0 CARA MEMOHON:

- i. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan Biasiswa Yayasan UMP (Pascasiswazah) di bawah:
 - [Borang Permohonan Yayasan UMP - Pascasiswazah](#)
- ii. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar sebelum atau pada tarikh tutup permohonan pada **17 Disember 2021**.
- iii. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dibuat dengan menghubungi pihak IPS di talian 09-549 3205 atau email ke financialssistance.ips@ump.edu.my.

1.

4.0 TARIKH TUTUP PERMOHONAN:

Tarikh tutup permohonan adalah pada **17 Disember 2021**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

5.0 KEPUTUSAN PERMOHONAN

:

1. Hanya pemohonan yang melepas tapisan akan dipanggil temuduga. Sebarang keputusan adalah muktamad.
2. Keputusan permohonan **Biasiswa Yayasan Universiti Malaysia Pahang** dijangka akan diumumkan selepas 45 hari dari tarikh tutup permohonan.
3. Mana - mana pemohon yang tidak mendapat sebarang maklumbalas dalam tempoh 45 hari, permohonan anda dianggap **TIDAK BERJAYA**.